



PANDUAN & KETERANGAN MAJLIS KONVOKESYEN KE - 16

Assalamualaikum wrt. wbt.

Para Graduan yang dihormati,

Pihak Institut ingin merakamkan jutaan tahniah di atas kejayaan saudara/saudari. Sehubungan itu saudara/saudari dikehendaki untuk memahami Panduan dan Keterangan Majlis Konvokesyen Ke-16 ini dengan jelas.

1. Tarikh & Tempat Konvokesyen

- a. Majlis Konvokesyen Ke-16 akan diadakan pada:

Tarikh	:	27 Oktober 2018 (Sabtu) bersamaan 18 Safar 1440 Hijrah
Tempat	:	Dewan Merdeka, Aras 4, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), No. 41, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur
Masa	:	Sesi Raptai - 8.00pagi. Majlis Konvokesyen - 1.30petang.

2. Pengesahan Kehadiran Graduan

- Sebagaimana termaktub, Diploma dan Sijil hanya dikurniakan kepada graduan yang hadir di sesuatu Konvokesyen dengan syarat bahawa pihak Pengurusan boleh, dalam keadaan luar biasa, memutuskan supaya sesuatu Diploma atau Sijil dikurniakan tanpa hadir.
- Semua graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditetapkan.
- Graduan tidak dibenarkan menangguhkan Majlis Konvokesyen ataupun mewakili kepada orang lain bagi menghadiri Majlis Konvokesyen melainkan dengan kebenaran Jawatankuasa Majlis Konvokesyen dalam masa **TUJUH (7)** hari sebelum Majlis Konvokesyen.
- Graduan dikehendaki mengisi dan memulangkan **Borang Pengesahan Kehadiran** yang disertakan (**SEBELUM / PADA 12 OKTOBER 2018**) untuk tindakan selanjutnya.

- e. Pihak Institut berhak untuk **MENGHALANG/MENOLAK** graduan daripada menyertai Majlis Konvokesyen ke-16 ini sekiranya tidak menerima sebarang jawapan daripada graduan/wakil selepas **12 OKTOBER 2018**.
- f. Borang Pengesahan Kehadiran graduan perlu diisi dengan lengkap dan dihantar dengan kadar segera samaada melalui **pos / faksimili (03-78802153/ 55) / emel kepada convo2018@fim.edu.my.** (sila 'scan' dahulu borang jawapan untuk diemelkan)

3. Kod Pakaian Majlis Konvokesyen

Semua graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen **DIWAJIBKAN** mematuhi peraturan berpakaian seperti berikut:

i. Graduan Diploma

Wanita

- i. Pakaian Kebangsaan (Baju Kurung/Kebaya) dan Pakaian Akademik.
- ii. Warna pakaian adalah bebas.
- iii. Kasut mestilah bertutup dan bertumit.
- iv. Bagi graduan yang tidak bertudung, hendaklah memastikan rambut sentiasa dalam keadaan kemas (bersanggul atau berklip).
- v. **Pakaian yang menjolok mata, skirt pendek, seluar serta selipar/sandal/kasut sukan TIDAK DIBENARKAN sama sekali.**

Lelaki

- i. Baju Melayu (baju Melayu hitam, bersongkok hitam kosong, lengkap berkain samping hitam) dan Pakaian Akademik **ATAU**;
- ii. Kemeja lengan panjang berkolar, tali leher dan lengkap memakai kot, berseluar slack berwarna gelap;
- iii. "Lounge suit" (warna gelap) lengkap;
- iv. Berstoking dan berkasut (warna gelap).
- v. **Seluar pendek, seluar jeans, selipar dan kasut sukan TIDAK DIBENARKAN sama sekali.**

MAKLUMAN : Pakaian akademik (akan diberi selepas sesi raptai) ialah sehelai jubah hitam, sehelai 'hood' (warna merah hati/maroon) dan satu 'mortar board' (warna hitam).

PERINGATAN : Graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk **BERARAK DAN MENAIKI PENTAS** sekiranya tidak mematuhi peraturan berpakaian yang telah ditetapkan.

ii. Ibu bapa/Penjaga/Tetamu

Peraturan berpakaian, khusus kepada ibu bapa/penjaga/tetamu untuk memasuki Dewan Konvokesyen adalah seperti berikut:

Pakaian Lelaki:

- i) Baju Kebangsaan/Lounge suit
(Seluar jeans dan kemeja-T adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali)

Pakaian Perempuan:

- i) Baju Kebangsaan (Kurung/Kebaya Longgar/Jubah)
ii) Sopan / Menutup aurat
(Gاون atau 'skirt', 'blouse' tanpa lengan, kemeja-T dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali)

PERHATIAN:

- **KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 12 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MASUK KE DALAM DEWAN KONVOKESYEN.**
- Para ibu bapa dan tetamu yang tidak mematuhi peraturan berpakaian sebagaimana yang dinyatakan boleh dihalang daripada memasuki Dewan Konvokesyen.

4. Yuran Graduasi

- a. Semua graduan yang menghadiri Majlis Konvokesyen dikehendaki membayar yuran mengikut kadar berikut :

Graduan Diploma : **RM560.00**
(Sijil Diploma + Transkrip + 'Certificate Holder' + Gambar + Pakaian Akademik + Hi-Tea (3 orang termasuk graduan)+ caj Pentadbiran

- i. Penambahan tetamu perlu mendapat kebenaran daripada pihak Jawatankuasa terlebih dahulu – tambahan tetamu : **RM100.00 (seorang)**

- b. Bagi yang **TIDAK DAPAT** menghadiri Majlis Konvokesyen ini, bayaran berikut dikenakan:

Graduan Diploma : **RM100.00** (Sijil Diploma + Transkrip + 'Certificate Holder' +caj Pentadbiran)

Tarikh akhir untuk membuat pembayaran adalah pada atau sebelum **12 OKTOBER 2018**. Resit rasmi akan diserahkan kepada graduan setelah graduan membuat bayaran mengikut kaedah bayaran yang telah ditetapkan.

- c. Bayaran boleh dilakukan melalui beberapa kaedah berikut:
 - i. Bayaran Tunai di kaunter Bahagian Akaun Institut **(JANGAN POS WANG TUNAI!)**
 - ii. Bayaran terus ke akaun FIM menerusi mana-mana cawangan **CIMB BANK** (nombor akaun **8000298393**)
 - iii. Pembayaran melalui cek (cheque)/kiriman wang / wang pos / atas talian.
 - iv. Pembayaran secara kontra baki PTPTN (bagi graduan yang telah mengisi borang 'clearance') – sila isi borang kontra yang disediakan dan berhubung terus dengan **Pn. Aiza / Cik Azie (Bahagian Akaun)**.

PERHATIAN :



- **Sebarang bayaran hendaklah dilakukan atas nama MUTUAL EMPIRE SDN. BHD sebelum/pada 12 OKTOBER 2018.**
- **Slip atau Resit Pembayaran asal hendaklah dikepilkan bersama Borang Pengesahan Kehadiran sebagai bukti pembayaran.**

5. Pengambilan dan Pemulangan Pakaian Akademik

- a. Pakaian Akademik bagi graduan Diploma yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen akan dipinjamkan daripada pembekal yang telah dipersetujui oleh pihak Pengurusan Institut.
- b. Pakaian Akademik terdiri daripada sehelai jubah(warna hitam), sehelai 'hood' (warna merah hati/maroon) dan satu 'mortar board' (warna hitam).
- c. Graduan diminta memastikan pakaian akademik yang diterima berada dalam keadaan baik dan sempurna.
- d. Graduan tidak dibenarkan menukar atau mengubahsuai mana-mana bahagian Pakaian Akademik yang dipinjam.
- e. Urusan pengambilan Pakaian Akademik akan dilakukan selepas Sesi Raptai manakala urusan pemulangan adalah sebaik sahaja Majlis Konvokesyen selesai.

6. Gambar Konvokesyen

- a. Urusan fotografi akan dilakukan sepenuhnya oleh pembekal yang telah dipersetujui oleh pihak Pengurusan Institut.
- b. Pihak pembekal perkhidmatan fotografi akan membuka studio khas bagi urusan fotografi kepada graduan dan ahli keluarga (tidak termasuk dalam yuran konvokesyen)



- c. Graduan akan berurusan dengan pihak pembekal perkhidmatan fotografi secara langsung pada Hari Konvokesyen tersebut.
- d. Graduan diminta untuk menjaga dan memastikan **resit/slip** yang diberikan oleh pembekal perkhidmatan fotografi tidak hilang bagi memudahkan urusan pengambilan gambar tersebut.

7. Kad Jemputan & Kupon Makan

- a. Setiap graduan yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen dibenarkan membawa tetamu dengan kadar bayaran seperti yang telah dinyatakan. (Rujuk perkara 4a (i))
- b. **KAD JEMPUTAN SERTA KUPON MAKAN AKAN DIBERI HANYA KEPADA GRADUAN YANG HADIR (WAKIL TIDAK DIBENARKAN) SEMASA SESI RAPTAI.** Sebarang penambahan dalam bilangan tetamu yang akan dibawa perlulah dimaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Jawatankuasa Majlis Konvokesyen **sebelum 12 OKTOBER 2018.**
- c. Ibu bapa/penjaga diminta untuk membawa bersama Kad Jemputan dan Kupon Makan untuk ditunjukkan kepada Jawatankuasa yang bertugas semasa hendak memasuki **Dewan Konvokesyen (Dewan Merdeka)** dan **Dewan Makan (Dewan Tun Hussein Onn/Dewan Tun Dr. Ismail/Bilik Mawar)** nanti. Tetamu yang **TIDAK MEMBAWA** Kad Jemputan dan Kupon Makan **TIDAK AKAN DIBENARKAN** memasuki Dewan Konvokesyen dan Dewan Makan.
- d. Pihak Institut tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan Kad Jemputan dan Kupon Makan yang diedarkan dan sebarang kehilangan **TIDAK AKAN DIGANTI.**
- e. Semua jemputan dikehendaki untuk mematuhi etika berpakaian sebagaimana yang telah ditetapkan.

PERHATIAN:

- **KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 12 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MASUK KE DALAM DEWAN KONVOKESYEN DAN DEWAN MAKAN.**
- Para ibu bapa dan tetamu yang tidak mematuhi peraturan berpakaian sebagaimana yang dinyatakan boleh dihalang daripada memasuki Dewan Konvokesyen.

8. Sesi Taklimat dan Raptai Konvokesyen

- a. Sesi taklimat dan raptai akan diadakan pada **27 OKTOBER 2018 (SABTU)** tepat pukul **8.00 pagi**. **Graduan diminta berkumpul di FOYER ARAS 4** berhadapan Kaunter Pendaftaran.
- b. Semua graduan **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri Sesi Taklimat dan Raptai ini supaya lebih memahami acara yang akan dijalankan pada Majlis Konvokesyen nanti.
- c. Pihak Institut berhak untuk **MENGHALANG** mana-mana graduan yang tidak menghadiri Sesi Raptai daripada menyertai majlis ini.

9. Perarakan Graduan Semasa Majlis Konvokesyen

- a. Graduan yang hadir hendaklah berkumpul di **FOYER ARAS 5 PWTC** selewat-lewatnya pada jam **1.30petang**.
- b. Perarakan graduan akan bermula pada jam **1.50petang**.
- c. Graduan diingatkan supaya berkumpul pada masa dan tempat yang telah ditetapkan.
- d. Graduan yang lewat **TIDAK AKAN DIBENARKAN** untuk masuk menyertai Majlis Konvokesyen.
- e. Graduan perlu mematuhi semua peraturan dan arahan daripada pegawai petugas semasa majlis berlangsung.
- f. Bagi menghormati tetamu jemputan dan majlis, graduan dan tetamu graduan **TIDAK DIBENARKAN MENINGGALKAN DEWAN** sehingga majlis selesai.

10. Masalah Kesihatan (Graduan Kurang Upaya/Mengandung)

Sekiranya saudara/saudari mengalami masalah kesihatan yang ketara seperti bermasalah untuk beratur dan berjalan semasa perarakan memasuki dewan, graduan wanita yang mengandung, graduan wanita yang baru lepas bersalin atau memakai kerusi roda, sila maklumkan kepada Jawatankuasa yang bertugas untuk mengatur perarakan graduan dengan kadar segera.

11. Peraturan Semasa Di Dalam Dewan (Bagi Tetamu)

- a. Pakaian
 - **Tetamu Lelaki** : Kebangsaan / Lounge Suit / Batik / Tertib
 - **Tetamu Perempuan** : Kebangsaan / Sopan
- b. Ibu bapa/Tetamu graduan boleh memasuki Dewan Konvokesyen melalui pintu-pintu yang telah ditetapkan oleh pegawai bertugas.
- c. Ibu bapa/Tetamu **TIDAK DIBENARKAN** keluar semasa Majlis sedang berlangsung.
- d. Bagi mengelakkan gambar yang diambil oleh jurufoto tidak menarik, maka Ibu bapa/Tetamu hanya dibenarkan untuk mengambil gambar dari tempat duduk masing-masing sahaja.
- e. Telefon bimbit **HARUSLAH DIMATIKAN / DALAM MOD SENYAP (SILENT MODE)** sepanjang berada di dalam Dewan Konvokesyen.
- f. Pihak Keselamatan Institut berhak untuk membawa keluar para tetamu yang didapati berkelakuan tidak sopan atau melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

12. Kajian Pengesanan Graduat – (Untuk Graduan Diploma Sahaja)

- a. **SEMUA GRADUAN DIPLOMA DIWAJIBKAN** untuk mengisi Borang Soal Selidik Kajian Pengesanan Graduat, Kementerian Pendidikan Malaysia yang boleh dicapai melalui laman web berikut: <http://graduat.mohe.gov.my> **MULAI 3 OKTOBER 2017.**
- b. Sila isi borang soal selidik dengan mengikut langkah seperti berikut:
 - i. Klik "**LOG MASUK**" pada menu Panduan Graduat
 - ii. Masukkan **No. Kad Pengenalan**
 - iii. Pilih Institusi > **IPTS** < > **IMM** <
 - iv. Masukkan kod seperti imej (huruf dan angka) yang tertera.
 - v. Klik "**Seterusnya**".
 - vi. Jawab semua soalan mengikut arahan.
 - vii. Tanda pada "**Simpan dan teruskan**" (bawah sekali di akhir soalan).
 - viii. Ikut arahan seterusnya.
 - ix. Cetak slip setelah selesai lengkapkan semua soalan.
 - x. Simpan slip untuk diberikan kepada Jawatankuasa Akademik semasa pengambilan skrol dan transkrip pada hari konvokesyen nanti.
- c. Sebarang masalah untuk mengisi borang soal selidik ini, sila hubungi Jawatankuasa Akademik. (*Sila Rujuk Perkara 17*)
- d. Sila rujuk **Lampiran A** untuk contoh slip cetakan yang perlu diserahkan.

13. Pendaftaran Alumni

Semua graduan **DIWAJIBKAN** untuk mengisi dan memulangkan Borang Pendaftaran Keahlian Persatuan Alumni yang disertakan bersama semasa mengambil Transkrip / Sijil diploma. (Pastikan anda mendapat cop syarikat/majikan sekiranya anda telah bekerja/bekerja sendiri.)

14. Pengambilan Sijil Diploma dan Transkrip Akademik

Bagi graduan yang **HADIR** ke Majlis Konvokesyen,

- a. **HANYA GRADUAN SAHAJA (WAKIL TIDAK DIBENARKAN)** yang boleh mengambil **SIJIL DIPLOMA** dan **TRANSKRIP AKADEMIK** masing-masing sebaik sahaja Majlis Konvokesyen selesai tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan seperti di bawah.
 - i. Graduan tidak mempunyai sebarang tunggakan yuran (akademik, asrama dan perpustakaan)
 - ii. Graduan telah **melengkapkan kesemua kurikulum (lulus semua mata pelajaran)** bagi program pengajiannya
- b. Graduan boleh mengambil Sijil Diploma dan Transkrip Akademik masing-masing di meja **Urusetia Akademik (Kaunter Pendaftaran, Aras 4)** sebaik sahaja Majlis Konvokesyen selesai di antara pukul **5.00petang. – 6.00petang.** Sebarang permintaan sebelum/selepas waktu tersebut tidak akan dilayan. **Untuk makluman para graduan, pihak Institut tidak akan menghantar sebarang Sijil Diploma dan Transkrip secara pos bagi menjamin keselamatan.**

Bagi graduan yang **TIDAK DAPAT HADIR** ke Majlis Konvokesyen,

- a. Graduan boleh mengambil Sijil Diploma dan Transkrip Akademik masing-masing di Pejabat Pentadbiran Institut di Kelana Jaya dalam tempoh **dua (2) minggu** selepas tarikh konvokesyen. Sebarang permintaan sebelum/selepas tempoh tersebut tidak akan dilayan. **Untuk makluman para graduan, pihak Institut tidak akan menghantar sebarang Sijil Diploma dan Transkrip secara pos bagi menjamin keselamatan.**
- b. Sekiranya graduan tidak dapat datang mengambil sendiri Sijil Diploma dan Transkrip Akademik, graduan boleh melantik seorang wakil untuk mengambil bagi pihaknya. Graduan hendaklah mengisi borang **SERAH KUASA** yang telah ditandatangani kepada wakil tersebut. Untuk makluman graduan, pihak Institut tidak akan menyerahkan sebarang dokumen (Sijil Diploma dan Transkrip Akademik) kepada wakil tanpa borang tersebut.

PERINGATAN : Pihak Institut tidak akan bertanggungjawab sekiranya Sijil Diploma dan Transkrip Akademik yang dituntut oleh wakil graduan berkenaan hilang atau rosak.

15. Kehilangan Transkrip Akademik dan Sijil Diploma

Transkrip Akademik dan Sijil Diploma cuma dikeluarkan **sekali sahaja** kepada graduan dan sekiranya dokumen ini hilang atau rosak, maka bayaran kehilangan akan dikenakan. Oleh itu para graduan dinasihatkan menyimpannya dengan baik dan selamat serta membuat salinan yang mencukupi.

Sekiranya Transkrip Akademik dan Sijil Diploma hilang atau rosak, pihak Institut akan mencetak semula dengan kadar bayaran berikut:

Item	Bayaran
Transkrip	RM50.00
Diploma/Sijil	RM150.00

16. Kesilapan maklumat dalam Sijil Diploma dan Transkrip Akademik

Sebaik sahaja menerima Sijil Diploma dan Transkrip Akademik, setiap graduan perlu menyemaknya untuk mengenalpasti sekiranya terdapat sebarang kesilapan. Sekiranya terdapat kesilapan maklumat dalam Sijil Diploma atau Transkrip Akademik, **sila maklumkan kepada Jawatankuasa Akademik dengan kadar segera** dan dokumen tersebut akan diganti baru dalam tempoh 14 hari selepas tarikh pemberitahuan.

17. Keterangan Lanjut

Sebarang keterangan lanjut, sila hubungi **Jawatankuasa Akademik** seperti berikut :

Pn. Norfiza (012-969 2150) / Mdm. Loh Pooi Chee (012-695 2150) / Pn. Norafidah (012-953 2150) / Cik Siti Rafidah Tahak (012-604 2150) atau di talian 03 – 7880 2150 / 59 / 60 atau faksimili 03 – 7880 2153 / 55.

KERJASAMA PARA GRADUAN MEMATUHI ATUR CARA DAN MAKLUMAT KONVOKESYEN INI ADALAH DIHARAPKAN BAGI MEMASTIKAN MAJLIS KONVOKESYEN FIM KE-16 INI BERJALAN DENGAN LANCAR!

Sekian.

Sekali lagi ucapan tahniah dan selamat menerima Diploma saudara/saudari.



- Sila rujuk **Lampiran B** bagi Senarai Semak keperluan menghadiri Majlis Konvokesyen ini.

ATURCARA
MAJLIS KONVOKESYEN KE-16 FIM (27/10/2018)

<u>Masa</u>	<u>Agenda</u>
8.00 pagi	Sesi Pendaftaran (Kaunter Aras 4) - Pemberian Nombor Giliran, Kad Jemputan & Kupon Makan
8.45 pagi	Sesi Taklimat (Dewan Merdeka, Aras 4) - J/kuasa Teknikal, J/kuasa Akademik, J/kuasa Pakaian Akademik/Gambar
9.15 pagi	Sesi Raptai (Dewan Merdeka, Aras 4)
11.30 pagi	Sesi Pengambilan Pakaian Akademik (bagi graduan Diploma sahaja) (Bilik KL, Aras 5)
1.30 petang	Graduan berkumpul di Foyer Aras 5 <i>(mengikut barisan perarakan yang telah ditetapkan semasa sesi raptai)</i>
1.45 petang	Ketibaan Tetamu Jemputan / Ibulbapa
1.50 petang	Perarakan masuk Graduan
2.00 petang	Perarakan masuk Tetamu Kehormat & Ahli Akademik
2.15 petang	Bacaan Doa Selamat
2.30 petang	Ucapan Alu-aluan
2.45 petang	Ucapan Oleh Tetamu Kehormat
3.05 petang	Penyampaian Sijil
3.15 petang	Penyampaian Diploma
4.35 petang	Penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik <i>(Peringkat Diploma Sahaja)</i>
4.50 petang	Penyampaian Cenderahati kepada Tetamu Kehormat
4.55 petang	Sesi Bergambar bersama Graduan Sijil / Diploma / Kakitangan
5.15 petang	Jamuan Ringan(Dewan Tun Razak 4)
5.45 petang	Majlis Bersurai

LAMPIRAN A

CONTOH SLIP CETAKAN BAGI KAJIAN PENGESANAN GRADUAT
(perlu diserahkan semasa mengambil Sijil Diploma & Transkrip Akademik)

	KAJIAN PENGESANAN GRADUAT KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	
Nama	MUHD KHAIROOL NIZAM BIN ABDUL RAHMAN	
Institusi	INSTITUT MAKANAN MALAYSIA (Food Institute of Malaysia) - FIM	
No. Kad Pengenalan	890423145357	
No. Matrik	222584	
Tarikh Ujian	30 Jun 2010	
Tarikh Slip Dicitak	30 Jun 2010	
Status Terkini	Bekerja	

Cetak | Keluar

Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama anda.

SELAMAT MAJU JAYA!

LAMPIRAN B
SENARAI SEMAK

Saudara/saudari adalah diingatkan untuk memastikan perkara-perkara seperti berikut telah dilakukan sebelum Majlis Konvokesyen:

1. () Menerima, membaca dan memahami panduan mengenai Majlis Konvokesyen FIM ke-16.
(Sila muat turun daripada website FIM)
2. () Sekiranya pembayaran melalui atm/online, sila pastikan anda emel dan whatsapp sekali bukti pembayaran dan pastikan anda menulis nama penuh dan no.pelajar pada slip/resit tersebut.
(Pihak FIM memerlukan sekurang-kurangnya 3 hari bekerja untuk semakan online/bayaran melalui CDM)
3. () Mengembalikan **Borang Pengesahan Kehadiran sebelum/pada 12 OKTOBER 2018**.
4. () Menghadiri sesi raptai (**27 OKTOBER 2018, jam 8.00 PAGI, di PWTC**).
5. () Memastikan anda menerima Kad Jemputan & Kupon Makan **semasa Sesi Raptai** dan memastikan kedua-duanya diberi kepada tetamu.
6. () Tiba lebih awal sebelum majlis bermula.
7. () Graduan boleh mengambil sijil Diploma dan Transkrip Akademik di meja Urusetia Akademik (Kaunter Pendaftaran, Aras 4) mulai pukul 5.00 petang. Borang-borang berikut **WAJIB** diserahkan semasa mengambil sijil Diploma dan Transkrip Akademik:
 - i) Borang pengesahan penerimaan sijil Diploma dan Transkrip Akademik
 - ii) Borang Alumni (mempunyai cop majikan)
 - iii) Slip kajian pengesahan graduat (Dicetak dari laman web MOE mulai 03/10/2018)Kegagalan menyerahkan borang-borang tersebut boleh menyebabkan graduan dihalang daripada mengambil sijil Diploma dan Transkrip Akademik.
8. () Menepati syarat/etika pakaian dan peraturan di dalam dewan konvokesyen seperti yang telah ditetapkan.
9. () **BAYI DAN KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 12 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MASUK KE DALAM DEWAN KONVOKESYEN DAN DEWAN MAKAN.**
- 10.() Sekiranya graduan atau tetamu graduan yang akan memasuki dewan konvokesyen mempunyai masalah kesihatan yang menggunakan kerusi roda, sila maklumkan lebih awal.
- 11.() Pakaian Graduan
 - i) Kasut graduan lelaki dan perempuan wajib bertutup dan formal.
 - ii) Pakaian graduan lelaki
 - Kemeja lengan panjang dan formal (Pemakaian blazer adalah digalakkan)
 - Seluar "slack" berwarna gelap
 - iii) Pakaian graduan perempuan
 - Baju kebangsaan

**BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN KE
MAJLIS KONVOKESYEN FIM KE-16 (GRADUAN DIPLOMA)**

Sila kembalikan borang ini sebelum/pada 12 OKTOBER 2018 ke alamat yang berikut:

**JAWATANKUASA AKADEMIK
MAJLIS KONVOKESYEN KE-16
FOOD INSTITUTE of MALAYSIA
NO. 41 – 51, JALAN SS6/12 KELANA JAYA
47301 PETALING JAYA, SELANGOR**

1. Saya : akan hadir
 tidak akan hadir

ke Majlis Konvokesyen FIM Ke-16.

2. Bersama-sama ini saya sertakan slip pembayaran di atas nama **MUTUAL EMPIRE SDN. BHD.** dalam bentuk Wang Pos / Kiriman Wang / Cek bernombor: _____
ATAU secara atas talian ke CIMB Bank (nombor akaun: 8000298393) bernilai:

RM 560.00 (Sijil Diploma + Transkrip + 'Certificate Holder' + Gambar + Pakaian Akademik + Hi-Tea (3 orang Termasuk graduan)+ caj pentadbiran

3. Pada majlis konvokesyen ini saya akan :

Membawa 1 / 2 orang tetamu Tetamu tambahan (__ orang)
(berumur 12 tahun ke atas sahaja)

Tidak membawa tetamu

PERINGATAN

- **KANAK-KANAK DIBAWAH 12 TAHUN TIDAK DIBENARKAN MASUK KE DALAM DEWAN**
- **Tambahan tetamu akan dikenakan bayaran RM100.00 seorang.**

Tandakan pada tempat yang berkenaan.

4. Ikrar :

- a) Saya faham bahawa saya tidak dibenarkan untuk menyertai Majlis Konvokesyen ini jika saya mempunyai sebarang tunggakan (yuran/buku perpustakaan).
- b) Saya faham bahawa saya tidak dibenarkan untuk menyertai Majlis Konvokesyen ini jika saya tidak mematuhi etika pakaian seperti yang ditetapkan.
- c) Saya faham bahawa bayaran yang dikenakan ini tidak akan dikembalikan jika saya menarik diri atas apa juga alasan.

Nama Graduan:

No. K/P :

No. Matrik :

Program Pengajian : DCA / DPB / DFSM / DHM / DTM / SIJIL
(bulatkan yg berkenaan)

Bulan pengambilan :

JANUARI / MAC / MEI / JULAI / SEPTEMBER / NOVEMBER _____ (Tahun)

No. Telefon : (R) (H/P)

Alamat e-mel :

Tandatangan :

Tarikh :

Untuk diisi oleh Bahagian Akaun
(Graduan Diploma RM560 (hadir) /
RM100 (tidak hadir))

No. O/R : _____

Jumlah : _____

Tandatangan & Cop :

PERINGATAN / NOTA:

- * **Wajib mengemukakan slip pembayaran tertunggak dan pembayaran konvo ke alamat emel: pembayaran@fim.edu.my dalam bentuk .pdf (acrobat reader) / .jpg (image / jpeg) untuk mengelakkan saiz fail yang besar.**
- * **Sebarang pembayaran mestilah atas nama MUTUAL EMPIRE SDN. BHD.**
- * **Sekiranya graduan ingin membawa lebih daripada 2 tetamu, sila hubungi pihak FIM dengan kadar segera.**
- * **Sila kembalikan borang jawapan ini sebelum / pada 12 OKTOBER 2018 dan borang yang lewat diterima TIDAK AKAN DILAYAN.**

**BORANG SERAH KUASA PENGAMBILAN SIJIL DIPLOMA,
TRANSKRIP AKADEMIK & 'CERTIFICATE HOLDER'**

JAWATANKUASA AKADEMIK
MAJLIS KONVOKESYEN KE-16
FOOD INSTITUTE of MALAYSIA
NO. 41 – 51, JALAN SS6/12 KELANA JAYA
47301 PETALING JAYA, SELANGOR

Nama pelajar : _____
No. Pelajar : _____
No. Kad Pengenalan : _____

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Saya melantik penama di bawah sebagai wakil untuk mengambil item-item seperti yang ditandakan berikut :

- Sijil Diploma (No. Siri : _____)
 Transkrip Akademik (No. Siri : _____)
 "Certificate Holder"

Nama wakil : _____
No. Kad Pengenalan : _____

Jika Sijil Diploma / Transkrip Akademik / "Certificate Holder" yang dituntut oleh wakil saya **HILANG ATAU ROSAK**, maka segala kos yang terlibat dan risiko lain yang mungkin timbul adalah di bawah tanggungjawab saya sepenuhnya.

Yang benar,

Tandatangan :
No. Telefon Bimbit :
Tarikh :

Untuk diisi oleh Bahagian Akaun

RM100.00 (Graduan Diploma)
(Skrol + Transkrip + Pentadbiran)

No. O/R : _____

Tandatangan & Cop :

BORANG PENGESAHAN PENGAMBILAN SIJIL DIPLOMA, TRANSKRIP AKADEMIK & 'CERTIFICATE HOLDER'

JAWATANKUASA AKADEMIK
MAJLIS KONVOKESYEN KE-16
FOOD INSTITUTE of MALAYSIA
NO. 41 – 51, JALAN SS6/12 KELANA JAYA
47301 PETALING JAYA, SELANGOR

Nama pelajar : _____
No. Pelajar : _____
No. Kad Pengenalan : _____

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Saya dengan ini mengesahkan bahawa saya telah membuat pembayaran yuran graduasi dan telah mengambil item-item seperti yang ditandakan berikut :

- Sijil Diploma (No. Siri : _____)
 Transkrip Akademik (No. Siri : _____)
 "Certificate Holder"

Jika Sijil Diploma / Transkrip Akademik / "Certificate Holder" yang diambil **HILANG ATAU ROSAK**, maka segala kos yang terlibat dan risiko lain yang mungkin timbul adalah di bawah tanggungjawab saya sepenuhnya.

Yang benar,

Tandatangan :
No. Telefon Bimbit :
Tarikh :

Untuk diisi oleh Bahagian Akaun

RM100.00 (Graduan Diploma)
(Skrol + Transkrip + Pentadbiran)

No. O/R : _____

Tandatangan & Cop :

- Borang ini hendaklah diserahkan bersama cetakan Slip Kajian Pengesanan Graduan (Lampiran A) kepada Jawatankuasa Akademik SEMASA MENGAMBIL SIJIL DIPLOMA & TRANSKRIP.
- Graduan tidak dibenarkan untuk menyerahkan/menghantar borang ini sebelum majlis konvokesyen tamat.



FOOD INSTITUTE of MALAYSIA
No. 41-51, Jalan SS 6/12, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor
Tel : 603 – 78802150/59/60, Fax : 603 – 78802153/55
Website : www.fim.edu.my
Email: norafidahmh@fim.edu.my

BORANG ALUMNI

Nama Penuh (mengikut K.P) : _____

No. Kad Pengenalan : _____

No. Matrik : _____

Tahun bergraduat : _____

Program : DCA/DPB/DFSM/DHM/DTM/CAWC /CAPB/CAMC/CAFSM
Tahun: _____
(Bulatkan yang berkenaan)

Alamat Tetap : _____

*Alamat Surat-menyurat : _____

Telefon rumah : _____ *Telefon bimbit : _____

*E-mel : _____

Status perkahwinan : Bujang Berkahwin Berpisah

Menyambung Pengajian : Ya (Sila nyatakan bidang dan Institusi) Tidak

Bekerja : Ya Tidak

***Sekiranya bekerja, nyatakan :**

Pekerjaan : _____

Tangga gaji : RM 1500 kebawah RM 1500-RM 2500 RM 2500 keatas

Nama Syarikat, Cop & Alamat : _____

No.Telefon Syarikat : _____ Fax : _____

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

**COP
SYARIKAT**

- Sila maklumkan kepada pihak Institut sekiranya terdapat sebarang perubahan pada masa akan datang.
- Borang ini hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Akademik SEMASA MENGAMBIL SIJIL DIPLOMA & TRANSKRIP.
- Graduan tidak dibenarkan untuk menyerahkan/menghantar borang ini sebelum majlis konvokesyen selesai.